DEWAN BANDARAYA
KUALA LUMPUR

BULETIN SDG DBKL 2026

JANUARI - JUN 2026



DBKL TERIMA SIJIL PENGESAHAN PENGURUSAN KEWANGAN PATUH SYARIAH

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menerima Sijil Pengesahan Pelaksanaan Pengurusan Kewangan Patuh Syariah daripada Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (IBFIM), sebuah firma penasihat Syariah yang berkelayakan dan berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

YBrs. Puan Nor Azlina binti Mohd Saad, Pengarah Eksekutif Pengurusan telah mewakili DBKL menerima sijil tersebut daripada YBrs. Encik Yusry Yusoff, Ketua Pegawai Eksekutif IFIM dalam satu majlis yang telah diadakan di Mayor Courtyard, Jalan Tangsi.

Pensijilan ini merangkumi pelaksanaan menyeluruh dalam pengurusan hasil dan pendapatan, simpanan dan pelaburan, perlindungan risiko (takaful), liabiliti dan perbelanjaan, pelaporan kewangan, sistem teknologi maklumat serta latihan kewangan Islam.

Pencapaian ini mencerminkan komitmen berterusan DBKL dalam memperkukuh tadbir urus kewangan awam yang berteraskan integriti, ketelusan dan akauntabiliti demi kepentingan warga kota Kuala Lumpur.















MEMPERKASA GURU, MELINDUNGI GENERASI

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur memperkukuh komitmen merealisasikan aspirasi Kuala Lumpur Bebas Asap Rokok melalui Latihan Pengukuhan Modul Intervensi Berhenti Merokok Dalam Kalangan Murid Sekolah kepada Guru Kaunseling Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 20 Januari 2026 di Auditorium Tan Sri Abdul Rafie, JPWPKL.

Program hasil kerjasama JKWPKL dan Jabatan Pendidikan W.P. Kuala Lumpur ini memberi pendedahan kepada guru mengenai aspek perundangan, pandangan Islam, bahaya rokok elektronik dan vape, kaedah berhenti merokok, teknik mengatasi keinginan merokok serta psikologi remaja.

Seramai 208 guru kaunseling dan guru disiplin dari seluruh sekolah di Kuala Lumpur menyertai latihan ini bagi memperkukuh intervensi berhenti merokok di sekolah serta membentuk generasi muda yang mengamalkan gaya hidup sihat.









DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR MENERUSKAN PROGRAM COMBI SEKOLAH

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) meneruskan pelaksanaan Program COMBI Sekolah Bil. 2/2026 yang telah diadakan pada 20 Januari 2026 bertempat di Sekolah Kebangsaan Taman Bukit Maluri sebagai sebahagian daripada usaha berterusan membanteras penularan demam denggi di peringkat komuniti sekolah.

Program ini merangkumi pelbagai pengisian antaranya ceramah kesedaran demam denggi dan COMBI, taklimat serta demonstrasi pemeriksaan dan pemusnahan tempat pembiakan nyamuk Aedes di sekitar kawasan sekolah, selain pameran pendidikan berkaitan kawalan kendiri pencegahan denggi.

Seramai 10 orang pelajar telah dilantik sebagai sukarelawan Skuad COMBI dan menerima sijil penghargaan serta COMBI kit bagi memperkasakan peranan mereka sebagai ejen perubahan dalam memastikan persekitaran sekolah sentiasa bersih dan selamat.

Sebagai sokongan tambahan, poster demam denggi, racun Abate serta 5 unit pokok penghalau nyamuk (Lemon Cypress) turut diserahkan kepada pihak sekolah bagi menyokong usaha pendidikan pencegahan denggi dan mewujudkan persekitaran yang hijau.

DBKL akan terus komited memperluaskan pelaksanaan Program COMBI Sekolah sebagai langkah proaktif mendidik generasi muda agar sentiasa peka dan bertanggungjawab dalam usaha mencegah penularan denggi. Cegah denggi tanggungjawab bersama. Kuala Lumpur bersih, warga kota sejahtera.









GOTONG-ROYONG MEMBASMI WABAK DENGGI DI TAMAN SETAPAK B

Pada 24 Januari 2026, Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar (JKAS) telah melaksanakan Program Gotong-Royong Membasmi Wabak Denggi di Taman Setapak B dengan kerjasama KRT Taman Setapak B, Pejabat Cawangan Wangsa Maju, Pejabat Kesihatan Titiwangsa (JKWPKL), SWCorp, Alam Flora dan PDRM bagi mengawal penularan demam denggi.

Sehingga kini, sebanyak 28 kes denggi direkodkan dengan tempoh wabak mencecah 59 hari. Program ini melibatkan pemeriksaan tempat pembiakan aedes, pelupusan barangan yang berpotensi menjadi lokasi pembiakan nyamuk, aktiviti Trash to Cash oleh SWCorp serta kutipan sampah pukal.

JKAS akan meneruskan langkah kawalan melalui fogging, semburan larvasid, pemeriksaan rumah ke rumah dan pemasangan Mist Away System bagi membendung penularan denggi serta memastikan kesejahteraan penduduk Taman Setapak.









SEMINAR AKTA KAWALAN PRODUK MEROKOK DEMI KESIHATAN AWAM 2024 (AKTA 852)

Pada 27 hingga 29 Januari 2026, telah berlangsung Seminar Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) bertempat di Hotel Premiera.

Seminar ini melibatkan seramai 113 peserta terdiri daripada Pegawai Kesihatan Persekitaran dan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran, bertujuan memberi pendedahan berkaitan akta baharu larangan merokok serta meningkatkan pengetahuan dalam memperkasakan penguatkuasaan dan kompetensi tindakan di lapangan.

Program ini telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Ismadi bin Sakirin, Pengarah Eksekutif Pembangunan Sosioekonomi DBKL.

Sepanjang seminar, para peserta turut menerima perkongsian ilmu daripada tiga penceramah jemputan iaitu En. Mohd Rizal bin Rusuli dari Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, Pn. Ainan Masni bt Abdullah Sani dari Jabatan Undang-undang & Pendakwaan serta En. Yusman bin Haiti dari Jabatan Pelesenan & Pembangunan Perniagaan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat serta para peserta yang menjayakan seminar ini demi memperkukuh usaha kesihatan awam di Kuala Lumpur.









PROGRAM ANAK-ANAK SEMANGAT KE SEKOLAH

Pada 25 Januari 2025, DBKL bersama Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Subzon 4 (Batu) telah menganjurkan Program Anak-Anak Semangat Ke Sekolah serta Program Silang Budaya & Kembali Ke Sekolah Kanak-Kanak Tiga Kaum di Dataran 1 PPR Batu Muda.

Program ini menyokong agenda DBKL dalam membina bandar yang inklusif dan sejahtera dengan memberi tumpuan kepada kebajikan kanak-kanak dan keluarga B40, di samping memupuk perpaduan sosial serta keharmonian masyarakat majmuk. Seramai kira-kira 200 kanak-kanak Melayu, Cina dan India menyertai program ini.

Turut diadakan kaunter penerangan dan bantuan oleh pelbagai agensi kerajaan bagi memperluas manfaat kepada komuniti setempat. Inisiatif ini mencerminkan usaha DBKL memperkukuh kesejahteraan komuniti melalui nilai kemanusiaan, perpaduan dan kebersamaan.









PROGRAM MEGA BEST (BERSIH SETIAP TEMPAT) PARLIMEN SEGAMBUT

Pada hari ini telah berlangsungnya Program Mega BEST (Bersih Setiap Tempat) Parlimen Segambut bertempat di Dutamas Raya yang telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Ismadi bin Sakirin, Pengarah Eksekutif Pembangunan Sosio Ekonomi, dengan penyertaan seramai 150 orang peserta.

Program ini merangkumi pelbagai aktiviti antaranya agihan peralatan gotong-royong, aktiviti plogging, kerja-kerja sapuan jalan, cantasan pokok, aktiviti fogging, mengecat kerb, pelaksanaan program Trash To Cash serta pengumpulan E-Waste.

Turut terlibat dalam pelaksanaan program tersebut ialah SwCorp, Alam Flora, PEMADAM Segambut, Balai Bomba Manjalara, Majlis Perwakilan Penduduk Parlimen Segambut, Persatuan Penduduk Dutamas Raya, Jabatan Belia dan Sukan serta Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

Hasil gotong-royong yang direkodkan oleh SWCorp di kawasan Dutamas Raya melibatkan kutipan sisa pepejal dengan jumlah keseluruhan sebanyak 178 kilogram, merangkumi kertas dan kotak pembungkusan sebanyak 26 kilogram, plastik sebanyak 20 kilogram, kaca sebanyak 2 kilogram, aluminium sebanyak 5 kilogram serta lain-lain sisa sebanyak 125 kilogram.

Program ini dilaksanakan sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan kebersihan persekitaran, pengurusan sisa secara bertanggungjawab serta penglibatan komuniti dalam mewujudkan kawasan Parlimen Segambut yang bersih, lestari dan berdaya huni.









DBKL LANCAR SISTEM PERMIT INFRASTRUKTUR (ePermit)

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melancarkan Sistem Permit Infrastruktur (ePermit), sebuah platform digital bersepadu bagi mentransformasikan pengurusan permit infrastruktur bandar raya secara lebih cekap, telus dan berasaskan data. Majlis pelancaran disempurnakan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur di Mayor Courtyard, Jalan Tangsi.

Selaras dengan agenda pendigitalan perkhidmatan awam, ePermit berfungsi sebagai portal sehenti yang merangkumi pengurusan Permit Korekan Jalan, Permit Pengurusan Lalulintas dan Permit Lori Angkut Bahan. Keseluruhan proses termasuk permohonan, semakan, kelulusan, pembayaran, pengeluaran permit digital dan pemantauan kerja di tapak kini didigitalkan.

Pelaksanaan ePermit dijangka mempercepatkan pemprosesan permit, meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti serta memudahkan aktiviti ekonomi dan pelaburan, sekali gus menyokong aspirasi Kuala Lumpur sebagai bandar raya pintar, mampan dan berdaya huni.



PUSAT PEMBELAJARAN KOMUNITI CHOW KIT

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) terus komited dalam menyantuni kesejahteraan komuniti bandar melalui pelaksanaan program pendidikan dan bimbingan khusus untuk kanak-kanak di kawasan Chow Kit. Menerusi kerjasama strategik bersama Kelab Kebajikan dan Rekreasi serta Jabatan Pendidikan Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, usaha ini adalah bagi memastikan anak-anak yang bersekolah di Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih mendapat akses pembelajaran yang lebih tersusun dan berterusan.

Program ini memberi tumpuan kepada penguasaan kemahiran asas 3M iaitu membaca, menulis dan mengira di samping pengukuhan rohani melalui Kelas Mengaji Al-Quran. Ia bukan sahaja membuka peluang pendidikan secara percuma kepada kanak-kanak yang memerlukan, malah menjadi ruang sokongan sosial yang memperkukuh hubungan antara komuniti, institusi pendidikan dan pihak berkuasa bandar.

Dilaksanakan secara berjadual setiap hari Rabu di Pusat Pembelajaran Komuniti Chow Kit, usaha ini mencerminkan tujuan DBKL untuk membina warga kota yang lebih berilmu, sejahtera dan berdaya saing. Inisiatif seperti ini turut memberi manfaat besar kepada masyarakat Kuala Lumpur apabila generasi muda dibimbing dengan asas pendidikan yang kukuh, sekali gus menyumbang kepada masa depan bandar raya yang lebih inklusif dan harmoni.

Sesungguhnya, usaha berterusan DBKL ini membuktikan bahawa pembangunan bandar bukan hanya pada fizikal semata-mata, tetapi juga pada nilai ihsan dan kepedulian terhadap kesejahteraan warga kota











KUALA LUMPUR LEBIH HIJAU DAN CERIA UNTUK SEMUA

Sebagai usaha berterusan dalam menceriakan serta menghijaukan bandar raya Kuala Lumpur, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah melaksanakan penanaman pelbagai pokok bunga di lokasi tumpuan sekitar ibu kota. Antara kawasan yang terlibat termasuk di hadapan Bangunan Sultan Abdul Samad serta kawasan Dataran DBKL bagi mewujudkan suasana bandar yang lebih indah, segar dan selesa untuk dinikmati bersama.

Inisiatif ini bukan sahaja memperindahkan landskap bandar, malah turut menyokong persekitaran yang lebih lestari dan berkualiti untuk warga kota.

Sehubungan itu, orang ramai diseru untuk bersama-sama menjaga kemudahan dan keindahan ini dengan tidak merosakkan tanaman serta memastikan kebersihan kawasan sentiasa terpelihara. Kuala Lumpur milik kita bersama









JOM LEPAK KL – EDISI BERINGIN STREET ART

Hujung minggu ni nak cari port OOTD yang rare, penuh warna dan vibe urban?

Apa kata singgah ke Beringin Street Art di lorong Jalan Loading Bay Business Centre, Jalan Miri, Taman Beringin!
Lorong ini dihiasi mural kreatif yang bukan sahaja mencantikkan kawasan sekitar, malah menjadikannya spot bergambar yang unik dan 'instagrammable'. Setiap inci dinding penuh dengan seni berwarna-warni yang menggabungkan elemen feminin dan gaya urban — memang sesuai untuk anda yang suka swafoto atau hasilkan konten menarik!

Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada usaha DBKL dalam memperindahkan bandar raya Kuala Lumpur agar lebih ceria, selesa dan mesra komuniti.

Lokasi:	Lorong Jalan Loading Bay Business Centre, Jalan Miri, Taman Beringin
Tip :	Datang waktu pagi atau petang untuk pencahayaan terbaik!

Jadi, tunggu apa lagi?

Jom datang, bergambar dan kongsikan momen anda!









TRANSFORMASI WAJAH PERUMAHAN AWAM KUALA LUMPUR

Selari dengan semangat Ihsan Bandar Raya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) terus komited memperindah dan memperkasa persekitaran kehidupan warga kota melalui kerja-kerja mengecat semula Perumahan Awam (PA) yang telah kusam, luntur dan melepasi usia pengecatan.

Kini, kerja-kerja mengecat sedang giat dilaksanakan di beberapa lokasi termasuk:

- PA Seri Selangor
- PA Loke Yew
- PA Seri Sarawak

Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada usaha menyeluruh melibatkan 30 skim (137 blok), bagi memastikan setiap kediaman bukan sahaja selesa didiami, malah tampil lebih segar dan bermaruah

Apa manfaatnya?

- Penampilan Lebih Menarik – Bangunan tampil baharu, menceriakan suasana komuniti
- Perlindungan & Ketahanan – Cat baharu melindungi struktur daripada kesan cuaca
- Kesejahteraan Penduduk – Persekitaran lebih kondusif, meningkatkan rasa bangga dan selesa

Dengan peruntukan besar sebanyak RM300 juta bagi penyelenggaraan PA & PPR, DBKL bukan sekadar membaik pulih, tetapi mentransformasikan kehidupan warga kota secara menyeluruh.

Inilah bukti bahawa Ihsan bukan sekadar slogan, tetapi diterjemahkan melalui tindakan nyata demi kesejahteraan rakyat.









DBKL RAIH PENGIKTIRAFAN DI MALAYSIA TECHNOLOGY EXPO (MTE) 2026

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) terus mengharumkan nama bandar raya apabila berjaya meraih pengiktirafan di Malaysia Technology Expo (MTE) 2026.

Sebanyak empat pasukan yang mewakili DBKL telah menyertai pertandingan ini dengan pencapaian membanggakan apabila tiga projek berjaya merangkul Anugerah Perak (Silver), iaitu e-Bayar: Pay Smart, Pay Easy oleh Jabatan Kewangan, INCURB: A Smart Integrated Curb Drainage System oleh Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran serta RESTART – Reopening System for Trade and Retail oleh Jabatan Penguatkuasaan.

Selain itu, projek Urban Rat Trapping Device (URTD) oleh Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar turut mencatat kejayaan dengan menerima Anugerah Gangsa (Bronze).

Pencapaian ini mencerminkan komitmen berterusan DBKL dalam memperkasa inovasi serta membangunkan penyelesaian yang praktikal, berimpak tinggi dan memberi manfaat langsung kepada kesejahteraan warga kota.

Syabas dan tahniah kepada semua pasukan yang terlibat atas kejayaan ini.









PROGRAM KOMUNITI KL BEBAS ASAP ROKOK MERIAHKAN PPR PINGGIRAN BUKIT JALIL 2

Hari ini telah berlangsung Program Komuniti KL Bebas Asap Rokok bertempat di Pusat Komuniti PPR Pinggiran Bukit Jalil 2 dengan pelbagai pengisian menarik dan bermanfaat kepada warga setempat.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Shamshul Joehari bin Zainal Mokhtar, Pengarah Eksekutif Pengurusan Projek DBKL serta turut dihadiri oleh YBrs. Puan Nor Azlina binti Mohd Saad, Pengarah Eksekutif Pengurusan DBKL dan YBrs. TPr Hj. Rosli bin Nordin, Pengarah Eksekutif Perancangan DBKL.

Program ini dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti antaranya pertandingan mewarna, suntikan tifoid, reruai kesihatan dan pameran kesihatan, ujian kumpulan darah, saringan kesihatan, cabutan bertuah, pertandingan futsal serta gotong royong komuniti.

Penganjuran program ini bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap bahaya merokok serta kesan asap rokok kepada kesihatan awam, khususnya dalam kalangan keluarga dan komuniti setempat. Inisiatif ini juga menggalakkan persekitaran yang lebih sihat, bersih dan selamat selaras dengan aspirasi Kuala Lumpur sebagai bandar bebas asap rokok.

Program ini turut melibatkan kerjasama pelbagai pihak termasuk Partnership for Healthy Cities, SWCorp Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, AVA, Alam Flora dan Local Action 21 Kuala Lumpur dalam usaha memperkukuh impak pelaksanaan program kepada komuniti.





DBKL RAIH ANUGERAH LOCAL AUTHORITY OF THE YEAR 2026

Kuala Lumpur terus melakar kejayaan apabila Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melalui Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta telah dinobatkan sebagai penerima anugerah Local Authority of the Year sempena The Inaugural RISM Property Surveying Awards 2026.

Pengiktirafan berprestij oleh Royal Institution of Surveyors Malaysia (RISM) ini mencerminkan komitmen berterusan DBKL dalam memperkukuh tadbir urus, meningkatkan kualiti perkhidmatan serta memastikan pengurusan aset bandar dilaksanakan secara cekap dan berintegriti.

Anugerah tersebut telah diterima oleh YBrs. Puan Nor Azlina binti Mohd Saad, Pengarah Eksekutif Pengurusan DBKL mewakili pihak pengurusan DBKL dalam majlis penyampaian yang berlangsung di Sime Darby Convention Centre, Kuala Lumpur.

Kejayaan ini menjadi pemangkin untuk DBKL terus memperkasa perkhidmatan kepada warga kota selaras dengan aspirasi menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar raya yang mampan, berdaya huni dan bertaraf dunia.













PROGRAM BAITI JANNATI @ WILAYAH PERSEKUTUAN

Hari ini telah berlangsung Majlis Penyampaian Program Baiti Jannati @ Wilayah Persekutuan bertempat di Dewan Serbaguna Perumahan Awam Desa Rejang, Kuala Lumpur yang telah disempurnakan oleh YB Hannah Yeoh, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan).

Program ini merupakan inisiatif berterusan dalam memastikan golongan sasar termasuk B40, ibu tunggal, Orang Kurang Upaya (OKU), asnaf serta fakir miskin dapat menikmati kediaman yang lebih selesa, selamat dan berkualiti.

Bagi tahun 2026, sebanyak 20 unit rumah PPR dan Perumahan Awam di bawah seliaan DBKL telah disediakan melalui pembiayaan Tenaga Nasional Berhad (TNB), melibatkan tujuh kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan iaitu Bandar Tun Razak, Batu, Setiawangsa, Cheras, Lembah Pantai, Bukit Bintang dan Wangsa Maju.

Melalui kerjasama strategik antara pelbagai pihak, program ini bukan sahaja membantu menyediakan kediaman yang lebih baik, malah memberi peluang kepada penerima untuk menjalani kehidupan yang lebih stabil dan selesa.



PENGIKTIRAFAN PENGURUSAN TENAGA

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) terus melakar kejayaan apabila menerima pengiktirafan dalam Majlis Penganugerahan Energy Management Gold Standard (EMGS) di bawah ASEAN Energy Management Scheme (AEMAS) yang berlangsung di Hotel EQ, Kuala Lumpur.

Majlis penyampaian anugerah telah disempurnakan oleh YB Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam.

Dalam majlis berprestij tersebut, Menara 1 DBKL telah menerima Anugerah Penarafan Tiga Bintang, manakala Menara 2 DBKL menerima Anugerah Penarafan Satu Bintang serta Anugerah Khas Penghargaan Komitmen atas usaha berterusan dalam memperkukuh pengurusan tenaga secara mampan dan berkesan. Mewakili DBKL menerima Anugerah Penarafan Tiga Bintang dan Anugerah Khas Penghargaan Komitmen ialah YBrs. Puan Nor Azlina binti Mohd Saad, Pengarah Eksekutif Pengurusan, manakala Anugerah Penarafan Satu Bintang diterima oleh YBrs. Cik Norhaslinda binti Nordin, Pengarah Jabatan Pentadbiran DBKL.

Pengiktirafan ini membuktikan komitmen DBKL dalam melaksanakan amalan kecekapan tenaga, pengurangan penggunaan sumber secara optimum serta menyokong agenda pembangunan bandar rendah karbon dan lestari.

Kejayaan ini juga menjadi pemangkin untuk DBKL terus memperkasakan inisiatif hijau demi mewujudkan Kuala Lumpur sebagai bandar raya moden, cekap tenaga dan berdaya huni untuk semua.















KUNJUNGAN HORMAT 11 DATUK BANDAR DARI COLOMBIA

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) hari ini menerima kunjungan hormat daripada delegasi seramai 11 Datuk Bandar dari Colombia yang mewakili bandar Cajica, Sopo, Gachancipa, Santa Ana, San Pablo De Borbur, Tabio, Cogua, Betania, Hatonuevo, La Virginia dan La Salina ke Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur. Kunjungan ini menjadi platform penting dalam memperkukuh hubungan dua hala serta memperluas jaringan kerjasama antara bandar di peringkat antarabangsa.

Delegasi berkenaan telah diraikan oleh YBrs. Tuan Shamshul Joehari bin Zainal Mokhtar, Pengarah Eksekutif Pengurusan Projek (PEPP) yang mewakili DBKL. Turut hadir wakil Kedutaan Colombia ke Malaysia bagi menjayakan kunjungan hormat tersebut.

Sepanjang sesi lawatan, delegasi telah diberikan taklimat mengenai pembangunan bandar raya Kuala Lumpur, tadbir urus bandar, perancangan strategik, pengurusan infrastruktur serta inisiatif kelestarian yang dilaksanakan DBKL dalam usaha menjadikan ibu kota lebih mampan dan berdaya huni.

DBKL komited untuk terus memperkukuh hubungan strategik bersama bandar-bandar antarabangsa melalui perkongsian ilmu, pengalaman dan amalan terbaik demi menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar raya bertaraf dunia yang moden, mampan dan inklusif.





JALAN SEKOLAH LEBIH SELAMAT DI BRICKFIELDS

Jalan di hadapan SMK Vivekananda di persimpangan Jalan Sultan Abdul Samad-Jalan Rozario kini lebih selamat dengan lintasan pejalan kaki bertingkat — membantu melindungi ribuan pelajar yang berulang-alik ke sekolah setiap hari.


Dengan 13 institusi pendidikan dan 4,120 kanak-kanak sepanjang laluan ini, reka bentuk jalan yang lebih selamat memberi impak nyata — terutamanya kepada komuniti OKU yang ketara di Brickfields.

Sebelum: kelajuan kenderaan setinggi 72 km/j di zon sekolah.
Sekarang: purata kelajuan direndahkan kepada 21 km/j, selamat dalam had 30 km/j zon sekolah

Penambahbaikan termasuk:

- Lintasan pejalan kaki bertingkat untuk lintasan lebih selamat & akses kerusi roda tanpa halangan
- Penyempitan lorong untuk mengurangkan kelajuan kenderaan secara pasif
- Lintasan pejalan kaki 37% lebih pendek — masa terdedah kepada trafik dikurangkan
- Akses pejalan kaki lebih jelas tanpa dihalang parkir haram

Ini seiring komitmen DBKL memastikan jalan Brickfields lebih selamat & mesra pengguna di bawah Inisiatif Jalan Sekolah Selamat KL, menyokong polisi nasional zon sekolah 30 km/j.













PENGINDAHAN LANDSKAP KAWASAN HIJAU DI JALAN 30/70A, DESA SRI HARTAMAS

Kerja-kerja pengindahan landskap kawasan hijau di Lot 48659, Jalan 30/70A kini sedang giat dilaksanakan. Inisiatif ini turut mendapat kerjasama serta sokongan daripada Persatuan Pemilik dan Peniaga Desa Sri Hartamas dalam mempercepatkan pelaksanaan kerja-kerja naik taraf kawasan tersebut.

Berinspirasikan konsep Serene Meadow, kawasan ini akan menampilkan gabungan pelbagai spesies pokok teduhan, pokok renek berwarna-warni serta hamparan rumput yang mampu menyerlahkan keindahan landskap hijau di tengah bandar raya.

Selain itu, penerapan elemen batu-batuan sebagai penebat larian air turut dicadangkan bagi memberi nilai tambah kepada persekitaran, di samping mewujudkan suasana yang lebih nyaman, lestari dan harmoni untuk dinikmati warga kota.











PROGRAM KOMUNITI KL BEBAS ASAP ROKOK. PERKASA KESEJAHTERAAN KOMUNITI BANDAR

Program Komuniti Kuala Lumpur Bebas Asap Rokok (KLBAR) 2026 telah berlangsung di Pusat Komuniti Gombak dengan kehadiran YB Hannah Yeoh dan YBhg. Datuk Seri TPr Fadlun bin Mak Ujud, Datuk Bandar Kuala Lumpur.


Anjuran DBKL, program ini melibatkan komuniti setempat bagi meningkatkan kesedaran mengenai bahaya asap rokok dan vape, menggalakkan gaya hidup sihat serta membina norma masyarakat bebas rokok melalui kerjasama strategik bersama UKM, KKM, AADK, Monash University, Bank Negara Malaysia dan pemimpin komuniti.

Dilaksanakan sejak 2017 di bawah LA21KL, KLBAR merupakan inisiatif DBKL dalam melindungi warga kota daripada asap rokok basi selaras aspirasi Kuala Lumpur sebagai bandar raya sihat dan mampan.

Pelbagai aktiviti komuniti, kesihatan dan pendidikan telah diadakan termasuk futsal, gotong-royong cegah denggi, plogging, lawatan AADK Sentul, pertandingan mewarna, pocket talk, saringan kesihatan serta inisiatif 1C1R.

KLBAR pernah menerima Anugerah APCAT 2019 dan berjaya meningkatkan kadar pematuhan zon bebas asap rokok daripada 48.4% pada 2019 kepada 82.4% pada 2022. Kuala Lumpur juga merupakan bandar pertama di Malaysia yang mewartakan laluan pejalan kaki bertutup sebagai zon bebas asap rokok sejak 2017.

DBKL komited memperkasa kesejahteraan komuniti dan kesihatan awam demi mewujudkan persekitaran bandar yang lebih sihat, selamat dan berkualiti.





TACTICAL URBANISM UTC SENTUL

Dalam hiruk-pikuk kehidupan bandar, bagi DBKL, bandar yang lestari bukan sekadar tentang pembangunan fizikal, tetapi bagaimana setiap ruang kota dapat dihidupkan demi kesejahteraan masyarakat.



Atas semangat itu, kawasan pejalan kaki berhampiran UTC Sentul kini diberi nafas baharu melalui inisiatif Pengindahan & Pemuliharaan Imej Rekabentuk Bandar bagi Parlimen Batu. Berinspirasikan konsep “Persimpangan Kehidupan Harmoni”, laluan yang dahulunya biasa kini berubah menjadi ruang interaktif yang ceria, inklusif dan penuh makna.

Melalui pendekatan Tactical Urbanism, mural dan lukisan jalan dihasilkan bagi mewujudkan suasana bandar yang lebih mesra pejalan kaki, selamat dan menggalakkan interaksi komuniti. Lokasi strategik yang menghubungkan UTC Sentul, kawasan perumahan, pusat penjaja, sekolah dan masjid ini kini tampil sebagai ruang komuniti yang lebih hidup dan menyenangkan.



Elemen seperti nombor, abjad, warna, bentuk geometri dan ilustrasi kreatif direka khas untuk merangsang perkembangan pembelajaran kanak-kanak secara tidak langsung menggalakkan interaksi sosial yang menyeronokkan di ruang awam yang terbuka.

Lebih daripada sekadar pengindahan, inisiatif ini mencerminkan usaha DBKL melalui KUL Design dalam membentuk Kuala Lumpur sebagai bandar yang lebih manusiawi, inklusif dan berteraskan komuniti, sebuah kota yang bukan sahaja indah dipandang, tetapi juga selesa untuk dinikmati dan dihargai bersama.

Kerana setiap ruang kota bukan hanya untuk dilalui, tetapi untuk menghubungkan kehidupan dan menghidupkan kebersamaan masyarakat.

GERAN MASYARAKAT MADANI RENDAH KARBON KUALA LUMPUR 2030 (2.0)

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mempelawa komuniti, institusi pendidikan, NGO dan kemudahan masyarakat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk memohon Geran Masyarakat Madani Rendah Karbon Kuala Lumpur 2030 (2.0) Sesi 2026/2027 dengan nilai pembiayaan sehingga RM20,000 bagi setiap projek.



Bidang Keutamaan:

- Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar
- Pengurusan Sisa Mampan
- Sistem Tenaga Mampan
- Penyertaan Komuniti dan Gaya Hidup Hijau

Pemohon Berkelayakan:

- Komuniti Berdaftar (RA/KRT)
- Sekolah dan IPTA/IPTS
- Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)
- Kemudahan Masyarakat

Kriteria Umum Projek:

- Projek sedia ada yang sedang dijalankan dan ingin
- ditambah baik atau diselesaikan
- Dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- Memberi manfaat secara langsung kepada penduduk
- Selari dengan Teras Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur 2030 dan Sustainable Development Goals (SDG) 2030

Borang dan garis panduan permohonan boleh diakses melalui: https://docs.google.com/.../1FAIpQLSei3yniXMHGoE.../viewform

Ayuh bersama merealisasikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya rendah karbon dan mampan demi masa depan yang lebih hijau









MEMBINA KARAKTER, MENCORAK MASA DEPAN

DBKL membuktikan komitmennya dalam pembangunan holistik warga kota dengan menekankan pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti. Usaha ini diterjemahkan melalui aktiviti pembelajaran luar bilik darjah Tadika Sang Kancil DBKL. Pembelajaran berasaskan pengalaman di mana murid-murid belajar menyayangi hidupan dan alam sekitar secara langsung di Zoo Negara.


Ia adalah pelaburan masa depan ke arah membentuk generasi yang bukan sahaja bijak dan berdaya saing, malah mempunyai rasa tanggungjawab yang tinggi terhadap kelestarian alam.

Inilah manifestasi Ihsan Bandar Raya iaitu menyemai ilmu hari ini untuk menuai generasi prihatin hari esok.











PENGANUGERAHAN DIPLOMA KEMAHIRAN MALAYSIA (DKM): MENGIKTIRAF KOMPETENSI, MEMPERKASA KECEMERLANGAN WARGA DBKL

Majlis Penganugerahan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Program Pensijilan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) – SKM ICT (PPT Fast Track) Bidang Rangkaian Komputer Tahap 4 telah berlangsung pada 5 Jun 2026 di Ruang Legar Menara Akademik, Institut Latihan DBKL bersempena Sambutan Hari TVET Negara 2026.

Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YBrs. Puan Nor Azlina binti Mohd Saad, Pengarah Eksekutif (Pengurusan), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Setinggi-tinggi tahniah dan syabas diucapkan kepada semua penerima Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) atas kejayaan yang membanggakan ini.

Penganugerahan tersebut bukan sahaja menjadi pengiktirafan terhadap kompetensi dan kemahiran yang dimiliki, malah mencerminkan komitmen berterusan DBKL dalam memperkasa modal insan, meningkatkan profesionalisme serta membudayakan pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan warganya.

Semoga kejayaan ini menjadi pemangkin kepada kecemerlangan yang berterusan serta mendorong lebih ramai warga DBKL untuk terus meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan keupayaan diri demi memperkukuh penyampaian perkhidmatan yang berkualiti, berintegriti dan cemerlang kepada warga kota.

KEBUN KEJIRANAN LA21 KL

LOCAL ACTION 21 KUALA LUMPUR









2 ZERO HUNGER
11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES
12 RESPONSIBLE CONSUMPTION AND PRODUCTION
13 CLIMATE ACTION
15 LIFE ON LAND
17 PARTNERSHIPS FOR THE GOALS

DARI KEBUN KECIL, TUMBUHNYA KOMUNITI MAMPAN

Di celah hiruk-pikuk pembangunan kota, Di Perumahan Awam Seri Perlis 2, Kampung Datuk Keramat, inisiatif Kebun Kejiranan Bandar LA21 Kuala Lumpur membuktikan bahawa usaha kecil mampu memberi impak besar. Bermula dengan penanaman sayuran dan herba, kebun ini kini menjadi ekosistem komuniti yang mengubah landskap sosial dan persekitaran kawasan perumahan.

Kejayaan ini hasil kerjasama erat antara penduduk dan DBKL menerusi pendekatan Nature-Based Solutions (MyNBS). Selain menghijaukan kawasan, inisiatif ini menggalakkan pengkomposan sisa dapur, menyediakan sumber makanan segar serta menghasilkan produk hiliran bernilai ekonomi seperti Teh Bunga Telang SP2, kerepek muruku dan kraftangan.

Aktiviti gotong-royong turut mengeratkan silaturahim, memupuk tanggungjawab bersama dan memperkukuh semangat kejiranan, selaras agenda Local Action 21 untuk membentuk masyarakat yang mencintai alam sekitar.

Kebun Kejiranan ini menjadi simbol legasi hijau yang dibina oleh komuniti untuk komuniti, membuktikan bahawa kemajuan Kuala Lumpur bukan sahaja diukur melalui pembangunan fizikal, malah melalui kekuatan hubungan masyarakat dan kelestarian untuk generasi akan datang.





JANGAN BIAR KUALA LUMPUR JADI LOMBONG "MUMIA KARAT"

YB Hannah Yeoh bersama Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri TPr Fadlun Mak Ujud, telah melawat fasiliti pelupusan kenderaan Car Medic di Semenyih bagi melihat proses peleraian dan pelupusan kenderaan buruk serta tersadai yang ditunda DBKL.



Dari 2022 hingga 2025, DBKL menerima 9,411 aduan berkaitan kenderaan buruk dan tersadai. Sebanyak 4,637 kenderaan telah ditunda dan 4,622 berjaya dilupuskan. Kenderaan tersadai bukan sahaja mencacatkan pemandangan bandar, malah mengundang vandalisme, menjejaskan keselamatan, menjadi tempat pembiakan nyamuk dan mengurangkan ruang parkir awam.

Melalui kerjasama DBKL dan Car Medic, pemilik boleh melupuskan kenderaan secara sah, mudah dan teratur, selain berpeluang menerima ganjaran tunai antara RM100 hingga RM2,000 bagi pelupusan secara sukarela.



DBKL akan terus mempergiat penguatkuasaan terhadap kenderaan yang ditinggalkan. Pemilik disaran melupuskan kenderaan yang tamat hayat dengan cara yang betul sebelum tindakan penguatkuasaan diambil.

Harimau Kota:
"Kereta buruk boleh dilupuskan, tetapi sikap buruk jangan dibiarkan berkarat di tengah kota."





LAWATAN SAMBIL BELAJAR DARI MAJLIS DAERAH KANOWIT SARAWAK KE SDG CENTRE

Pada 14 April 2026 (Selasa), SDG Centre Kuala Lumpur telah menerima kunjungan sambil belajar daripada delegasi Majlis Daerah Kanowit, Sarawak yang terdiri daripada 18 orang pegawai. Lawatan ini bertujuan memberikan pendedahan mengenai pendekatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam mengarusperdanakan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) melalui perancangan, pelaksanaan program dan kerjasama strategik bersama pelbagai pihak.



Sepanjang lawatan tersebut, delegasi telah diberikan penerangan mengenai fungsi SDG Centre Kuala Lumpur sebagai pusat pembelajaran, perkongsian ilmu dan penyebaran maklumat berkaitan pembangunan mampan. Sesi perkongsian turut mengetengahkan pelbagai inisiatif DBKL, termasuk usaha memperkukuh pelaksanaan SDG di peringkat tempatan, penglibatan komuniti serta kerjasama antara sektor awam, swasta, akademia dan masyarakat.



Lawatan ini menjadi platform pertukaran pengalaman dan amalan terbaik antara kedua-dua pihak, di samping membuka ruang kepada penerokaan peluang kerjasama dalam melaksanakan inisiatif pembangunan mampan yang bersesuaian dengan konteks dan keperluan setempat.





LAWATAN AKADEMIK PELAJAR UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM)

Pada 13 April 2026 (Isnin), SDG Centre Kuala Lumpur telah menerima lawatan akademik yang disertai oleh 25 orang pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM). Lawatan ini bertujuan memberikan pendedahan secara langsung kepada para pelajar mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) serta pelaksanaannya dalam konteks pengurusan dan pembangunan bandar raya Kuala Lumpur.

Para pelajar telah diberikan penerangan mengenai peranan SDG Centre Kuala Lumpur sebagai pusat pembelajaran dan perkongsian pengetahuan berkaitan pembangunan mampan. Mereka turut diperkenalkan kepada inisiatif dan pendekatan yang dilaksanakan oleh DBKL dalam menangani pelbagai cabaran bandar, termasuk aspek sosial, ekonomi, alam sekitar dan tadbir urus.

Sesi lawatan turut menyediakan ruang interaksi dan perbincangan yang membolehkan para pelajar menghubungkan pengetahuan akademik dengan amalan sebenar di peringkat pihak berkuasa tempatan. Melalui lawatan ini, para pelajar dapat meningkatkan pemahaman tentang kepentingan kerjasama pelbagai pihak serta peranan generasi muda dalam menyumbang kepada pencapaian agenda pembangunan mampan.











SDGCentreKL.com

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur, Malaysia.

www.dbkl.gov.my